

# Akhbar pupuk budaya baca

Oleh SAPORA SIPON

MENGIKUT perangkaan terbaru yang dikeluarkan Audit Bureau Circulation (ABC), akhbar *Mingguan Malaysia* mencatat jualan purata sebanyak 456,793. Akhbar *Berita Minggu* pula mencatat jualan purata sebanyak 305,256 naskhah manakala jumlah purata jualan untuk *Metro Ahad* ialah sebanyak 314,321 naskhah. Tempoh jualan adalah dalam tempoh 12 bulan dari Julai tahun lalu hingga 30 Jun tahun ini.

Bagaimanapun, corak pembacaan untuk akhbar harian berbahasa Melayu Kumpulan Utusan iaitu *Utusan Malaysia* tidaklah sebegitu rancak seperti pada hari minggunya. *Utusan Malaysia* dilaporkan mencatat jualan purata 197,033 naskhah sehari.

Apa yang menarik untuk dibuat perbandingan ialah akhbar berbahasa Inggeris *The Star* (akhbar harian) mencatat jualan yang jauh lebih tinggi dari akhbar harian berbahasa Melayu yang berpengaruh iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*.

Ini secara tidak langsung menunjukkan jumlah pembaca akhbar berbahasa Inggeris adalah jauh lebih tinggi daripada akhbar harian berbahasa Melayu. Akhbar *The Star* juga meninggalkan *Harian Metro* yang mencatatkan purata jualan 289,315 naskhah purata jualan sehari dalam tempoh yang sama.

## Purata

Pola ini menarik untuk difikirkan kerana walaupun 60 peratus jumlah penduduk negara ini menguasai bahasa Melayu, ia masih lagi tidak mampu untuk menyumbang kepada purata jualan yang tinggi kepada akhbar harian berbahasa Malaysia.

Maksudnya, walaupun jumlah penduduk negara yang menguasai bahasa Melayu adalah tinggi, pembaca Melayu tidak seaktif membeli akhbar harian berbahasa Melayu. Akhbar berbahasa Melayu juga tewas dari segi jualan kepada akhbar berbahasa Cina. Buktinya ialah akhbar *Sin Chew Media Group* menguasai 33 peratus pasaran akhbar di negara ini.

Sokongan perlu diberikan kepada akhbar berbahasa Melayu dalam konteks meningkatkan jumlah jualan dan juga bacaan. Peratus penguasaan penduduk negara ini yang menguasai bahasa Melayu yang tinggi tentu sahaja boleh memberi satu peluang untuk meningkatkan jumlah jualan akhbar berbahasa Melayu.

Jika dilihat usaha pihak akhbar untuk meningkatkan jumlah jualan akhbar mereka, tentu sekali kita dapat melihat betapa bersungguhnyanya akhbar-akhbar seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* menggunakan pelbagai kaedah untuk menarik seramai mana pembaca dan pembeli untuk melanggan akhbar mereka.

Mungkin pola membaca dan membeli akhbar ini boleh dikaitkan dengan budaya membaca di kalangan penduduk negara ini. Budaya membaca di kalangan penduduk Malaysia sememangnya tidak menggalakkan.

Contohnya, kajian pensyarah Jabatan Media, Universiti Malaya (UM), Dr. Abu Hassan Hasbullah menunjukkan, amalan membaca buku tambahan di kalangan pelajar universiti di negara ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan pelajar universiti di luar negara. Secara purata mereka hanya membaca 12 buah buku selama tiga tahun pengajian.

## Pola

Ini jauh lebih rendah daripada jumlah buku yang dibaca oleh pelajar Australia ialah 180 buah, Indonesia (94 buah), India (130 buah), Thailand (56 buah) dan Brunei (26 buah). Berbanding pelajar universiti di luar negara, jumlah buku yang dibeli oleh pelajar Australia ialah 160 buah, Indonesia (43 buah), Thailand (31 buah), India (75 buah) dan Brunei (15 buah). Pola membaca di kalangan pelajar universiti ini boleh memberi petunjuk pola membaca yang rendah di kalangan kanak-kanak dan remaja.

Apabila budaya membaca rendah, tentu sekali ia memberi kesan kepada industri akhbar dan industri buku di negara ini.

Golongan muda merupakan antara sasaran utama akhbar dalam meningkatkan jualan akhbar mereka. Laporan ABC menunjukkan antara sebab mengapa pembaca masih memilih akhbar cetak sebagai pilihan utama jika dibandingkan dengan akhbar digital ialah faktor peningkatan jumlah pembaca daripada golongan muda.

Maka tidak hairanlah jika kita lihat terdapat usaha yang bersungguh-sungguh di pihak akhbar untuk mengimarahkan lagi ruangan berita golongan muda.

Sokongan berterusan perlu diberikan kepada akhbar terutama sekali akhbar berbahasa Melayu. Kerjasama yang menguntungkan di antara golongan industri dan badan-badan kerajaan dengan pihak media lebih wajar kerap dilakukan.

Amatlah penting industri akhbar dimakmurkan kerana sebagai satu bentuk perniagaan, industri akhbar bukan setakat menyampaikan berita dan maklumat. Diharapkan, rakyat Malaysia akan terus membaca dan juga membeli akhbar. Walaupun Malaysia masih menunjukkan pertumbuhan menggalakkan dari segi jumlah edaran media cetak, amatlah penting rakyat Malaysia terus bersifat lebih proaktif dalam membaca dan juga membeli akhbar.

□ DR. SAPORA SIPON ialah Pengarah Hubungan Korporat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).